

03/05/2002

Sukar ubah perjanjian jual air: PM

JITRA, Khamis - Malaysia tidak boleh secara mudah mengubah perjanjian penjualan air kepada Singapura yang memihak kepada republik itu kerana terikat dengan perjanjian pada 1963, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, perjanjian itu mensyaratkan Malaysia harus menjual air dari Johor pada harga 3 sen bagi setiap 1,000 gelen.

Beliau berkata, perjanjian itu juga mensyaratkan Malaysia perlu membeli semula air yang diproses di Singapura pada harga 50 sen bagi setiap 1,000 gelen.

"Perjanjian ini dibuat pada zaman British. Kita diikat selama 100 tahun. Hanya pada 2061 baru habis. Malang bagi kita, orang kita tidak begitu cerdik.

"Orang kita menandatangani perjanjian itu pada 1963, ketika Singapura masih dalam Malaysia. Orang kita yang salah buat perjanjian. Bukan mudah untuk kita mengubah perjanjian.

"Perjanjian itu merugikan kita kerana disebut di dalamnya, tidak ada perubahan yang boleh dibuat kecuali Singapura dan Malaysia bersetuju," katanya menggulung hujah perwakilan pada sesi akhir persidangan perwakilan Umno Bahagian Kubang Pasu di Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Nyior di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian menjawab hujah seorang perwakilan Umno yang meminta kerajaan bertindak lebih tegas terhadap Singapura yang tidak peka terhadap perasaan rakyat Malaysia.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, Malaysia sentiasa berusaha secara bijak untuk merungkai permasalahan dengan Singapura.

Beliau yang mengambil contoh pemindahan operasi syarikat perkapalan kontena Taiwan, Evergreen Marine Corporation (Evergreen) dari Pelabuhan Singapura ke Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) di Johor, berkata ia adalah satu daripada kejayaan kaedah bijak yang digunakan Malaysia.

"Kita berjaya tarik dua juta kontena dari Singapura untuk pindah ke PTP. Percayalah kami tidak tidur. Kami sedang berusaha.

"Kalau kita nak lapah kucing, kita boleh buat macam-macam cara. Hendak melapah Singapura, juga bukan hanya satu cara," katanya.

Evergreen dilaporkan akan memindahkan operasinya pada suku ketiga tahun ini. Kontrak Evergreen dengan Port of Singapore Authority (PSA) akan tamat Ogos ini.

(END)